



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



FUTSAL LELAKI TERBUKA

1. PENGANJURAN & PENGELOLAAN

1.1. Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

2. PERATURAN AM

2.1. Pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang FUTSAL yang berkuatkuasa sebagaimana yang diperuntukan oleh Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) serta telah diterima oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM).

2.2. Kejadian di luar jangkaan yang tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

2.2.1. Sebarang kejadian perkara-perkara bukan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.

2.2.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan berasaskan kepada peraturan-peraturan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan undang-undang permainan Persekutuan Bolasepak Antarabangsa.

2.3. Selain daripada peraturan diatas, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohanan ini.

2.4. Mematuhi Peraturan Tetap dan Peraturan Am **KARNIVAL SUKAN DVS**.

2.5. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah **MUKTAMAD**.

3. PENDAFTARAN

3.1. Setiap kontinjen hendaklah mendaftarkan tidak lebih daripada **lapan (8)** orang pemain yang **tiada had umur** dan **satu (1)** orang Pegawai/ Pengurus. (Pegawai/ Pengurus boleh menjadi pemain)

3.2. Pendaftaran nama-nama pemain, pegawai/ pengurus hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

3.3. Hanya pemain-pemain berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.

3.4. Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara 11**.

3.5. Dua(2) warna jersi yang berlainan hendaklah didaftarkan. Jika terdapat persamaan warna jersi setelah disahkan oleh pengadil perlawanan, pasukan tuan rumah (namanya disebut dahulu) akan dikehendaki menukarkan jersi mereka.

3.6. Setiap pemain diwajibkan memakai jersi yang bernombor sebagaimana yang disenarai dalam borang pendaftaran, seluar yang sesuai, sarung kaki (stoking) yang dinaikan keatas dan wajib memakai 'shin guard'. Kasut bola yang mempunyai 'stud' adalah tidak dibenarkan sama sekali.



FUTSAL LELAKI TERBUKA

4. **SISTEM PERTANDINGAN**

4.1. Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 15

4.2. Mata / Keputusan Perlawanan

4.2.1. **Sistem Liga**

PENENTUAN	MATA / MARKAH
Menang	3
Kalah	0
Seri	1

4.2.1.1. Pasukan yang mendapat jumlah mata terbanyak akan menjadi johan kumpulan

4.2.1.2. Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan yang mendapat mata yang sama, perbezaan antara jaringan gol dan bolos terbesar dalam keseluruhan perlawanan liga dikira menang.

4.2.1.3. Jika perbezaan gol dan bolos juga seri, maka mana-mana pasukan yang menjaringkan gol terbanyak dalam keseluruhan perlawanan liga dikira menang

4.2.1.4. Sekiranya kaedah diatas gagal menentukan kedudukan, maka Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan menentukan keputusan dengan tendangan penalti atau cara lain yang difikirkan sesuai.

4.2.2. **Kalah Singkir**

4.2.2.1. Sekiranya diakhir masa permainan biasa berkedudukan seri, maka tambahan masa selama tiga (3) minit setiap separuh masa akan dijalankan. Sekiranya masih seri, maka tiga (3) tendangan penalti setiap pasukan akan dilakukan dan jika masih seri, 'SuddenDeath' penalti akan digunakan sehingga ada pemenang. Sekiranya semua kaedah tersebut gagal, maka satu lambungan syiling akan dijalankan untuk menentukan pemenangnya.

4.3. **Waktu Perlawanan**

4.3.1. Masa bermain sepenuhnya **dua puluh (20) minit** di mana sepuluh (10) minit bagi setiap separuh masa dan masa rehat selama **dua (2)minit**.

4.3.2. Sekurang-kurangnya **tiga puluh (30) minit** sebelum bermulanya perlawanan tiap-tiap pasukan hendaklah mengemukakan nama pemain kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan menggunakan borang yang disediakan.

4.3.3. Sekiranya pasukan yang bertanding tidak hadir, tempoh masa menunggu yang dibenarkan adalah **lima (5) minit** daripada masa perlawanan yang dijadualkan dan mana-mana pasukan yang melanggar peraturan ini akan



FUTSAL LELAKI TERBUKA

dikenakan tindakan seperti berikut:

- 4.3.3.1. Pasukan yang gagal menghadirkan seramai sekurang-kurangnya lima (5) orang pemain selepas tempoh menunggu **lima (5) minit** daripada masa perlawanan yang dijadualkan akan dikira kalah (*walkover*)
- 4.3.3.2. Kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawannya dengan tiga (3) mata dan jaringan tiga (3) – kosong (0).

4.4. Memulakan Perlawanan

- 4.4.1. Setiap pasukan mestilah mempunyai lima (5) pemain termasuk seorang Penjaga Gol. Sekiranya kurang dari lima (5) pemain dari salah satu pasukan turun ke gelanggang. Kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawannya.

4.5. Waktu Bermula Sesuatu Perlawanan

- 4.5.1. Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan atau Jawatankuasa Pengelola.

4.6. Penggantian Pemain

- 4.6.1. Tiada had penggantian pemain semasa perlawanan. Seseorang pemain yang telah diganti boleh masuk semula ke gelanggang sebagai pengganti kepada yanglain.
- 4.6.2. Syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi apabila gantian dibuat semasa bola dalampermainan.
 - 4.6.2.1. Pemain yang meninggalkan gelanggang hendaklah keluar melintasi garisan tepi di kawasan zonpenggantian.
 - 4.6.2.2. Pemain yang masuk ke gelanggang juga dikehendaki berbuat demikian dari kawasan zon penggantian, tetapi hendaklah menunggu sehingga pemain yang hendak diganti telah keluar melintasi garisantepi.
 - 4.6.2.3. Seseorang pengganti akan tertakluk kepada kuasa dan kebijaksanaan pegadil sama ada memanggil atau tidak untuk bermain.
 - 4.6.2.4. Penjagagolbolehbertukartempatdenganmana-manapemain dengan syarat kebenaran dari salah seorang pegadil hendaklah diminta terlebihdahulu.

4.7. Pemain Yang Diberi Amaran / Buang Padang

- 4.7.1. Pemain yang diberi amaran bertulis (kad kuning) di dalam dua (2) perlawanan yang berlainan akan digantung secara automatik satu (1) perlawanan berikutnya.
- 4.7.2. Pemain yang diberi kad kuning kedua di dalam satu perlawanan yang sama dan seterusnya secara automatik akan dikenakan kad merah,tidak boleh bermain perlawanan yang sedang dia bermain dan akan digantung satu (1) perlawanan berikutnya.
- 4.7.3. Pemain yang menerima satu (1) kad kuning dan selepas itu menerima satu(1) kadmerah, akan digantung satu (1) perlawanan berikutnya tetapi



FUTSAL LELAKI TERBUKA

kad kuning yang diterima itu masih berkuatkuasa dan kedudukan pemain tersebut akan ditentukan oleh Jawatankuasa Tatatertib.

4.7.4. Pemain yang dibuang padang (kad merah) tidak dibenarkan bermain untuk dua (2) perlawanan, iaitu dua (2) perlawanan seterusnya selepas perlawanan yang pemain itu menerima kad merah dan kedudukan pemain tersebut akan ditentukan oleh JawatankuasaTatatertib.

4.7.5. Pemain yang diperintahkan keluar padang kerana bergaduh akan digantung bermain sepanjang tempoh kejohanan ini dan kedudukan pemain tersebut akan ditentukan oleh Jawatankuasa Tatatertib.

4.7.6. Dalam masa permainan, pemain yang menerima kad merah dan diarahkan meninggalkan gelanggang boleh digantikan dengan pemain lain setelah tiga (3) minit pemain tersebut dikeluarkan.

4.7.7. Sekiranya dalam perkara dimana pemain di perintahkan keluar gelanggang dan salah satu pasukan tinggal kurang dari tiga (3) pemain, maka perlawanan tersebut hendaklah dibatalkan dan kemenangan akan diberikan kepada pasukan lawan dengan jaringan tiga (3) – kosong(0).

4.7.8. Pihak Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan juga akan membuat laporan tatatertib terhadap pegawai dan peserta yang didapati melanggar disiplin sebagaimana dalam Peraturan Am Perkara24.

5. PENGADIL

5.1. Jawatankuasa Pengelola akan melantik para pegadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada PeraturanAm.

5.2. Laporan perlawanan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikaldan Pertandingan.

5.3. Seseorang pemain yang telah digantung permainannya oleh Persatuan Bola Sepak di mana-mana daerah atau negeri tidak dibenarkan bermain di dalam pertandingan ini. Jika didapati pemain yang berkenaan didaftar oleh mana-mana pasukan, pasukan yang berkenaan akan dibatalkan penyertaannya di dalam kejohanan ini.

6. DISIPLIN PASUKAN

6.1. Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawanan terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpandukan kepada laporan pegawai perlawanan dan pengadil perlawanan.

6.2. Lain-lain adalah sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN
KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



FUTSAL LELAKI TERBUKA

7. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI /MENYERAHKALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

7.1. Sebagaimana terkandung di dalam Peraturan Am Perkara 18

8. JAWATANKUASA TATATERTIB / JURIRAYUAN

8.1. Sila rujuk Peraturan Am Perkara 21, Perkara 22 dan Perkara 23

9. JADUAL PERLAWANAN

9.1. Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan jadual perlawanan mana- mana pasukan tidak dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawanan

10. UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH

10.1. Sila rujuk Peraturan Tetap Perkara 12

11. PEGAWAI YANG DIHUBUNGI

Nama	:	En. Mohd Faiz
Jawatan	:	Pengurus Pertandingan Futsal Terbuka
No. H/P	:	017-5449544
emel	:	

Nama	:	En. Razif
Jawatan	:	Timbalan Pengurus Pertandingan Futsal Terbuka
No. H/P	:	019-5135757
emel	:	

Nama	:	
Jawatan	:	Setiausaha Pertandingan Futsal Terbuka
No. H/P	:	
emel	:	